

Adenan Pengarah Urusan baharu Kwasa Land

Kwasa Land, anak syarikat milik penuh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menamakan Adenan Md Yusof sebagai Pengarah Urusan berkuat kuasa 3 Mei 2021.

Adenan mempunyai pengalaman lebih 30 tahun, selepas mengetuai portfolio penting di sektor awam dan swasta, dengan tumpuan terhadap pelaburan hartanah serta perkhidmatan kewangan.

Beliau mengambil alih jawatan dipegang Mohamad Hafiz Kassim yang kekal dalam Lembaga Pengarah Kwasa Land sebagai Ketua Jabatan Pelaburan Hartanah KWSP.

Sebelum ini, Adenan adalah Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Raya Bhd (ARB).

Terdahulu, beliau adalah Ketua Pegawai Operasi Amanah Raya-REIT Managers Sdn Bhd dari 2010 hingga 2015 yang berperanan penting memacu pertumbuhan-

dana berkenaan.

Beliau juga adalah Naib Pengerusi Persatuan Pengurus REIT Malaysia dan ahli jawatankuasa kawal selia persatuan terbabit.



Adenan Md Yusof

Adenan pernah memegang jawatan penting termasuk Pengurus Besar KUB Bhd, Pengurus Besar Kumpulan Terengganu Incorporated Sdn Bhd dan Naib Presiden Projek Khas di UDA Holdings Bhd, di mana beliau mengetuai portfolio pelaburan serta strategi hartanah.

"Ia benar-benar satu penghargaan diberikan peluang bagi menyumbang ke arah pembangunan perbandaran dinamik dan berpandangan jauh di bawah bimbingan Pengerusi Kwasa Land, Datuk Mohammed Azlan Hashim serta pasukan yang berdikasi untuk memacu Kwasa Damansara mencapai tahap lebih baik pada 2021 dan seterusnya," kata Adenan.